

Terpulang kepada Filipina: PM

BH 17 DEC 1987

SUBANG, Rabu — Malaysia tidak perlu mendesak kerajaan Filipina supaya menyelesaikan segera isu tuntutan Sabah, sehingga segala proses membuat keputusan diselesaikan sendiri oleh negara itu.

Malaysia hanya akan menunggu kerajaan Filipina menyelesaikan masalah tuntutan itu menerusi badan-badan tertentu termasuk Senatnya.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**, berkata Malaysia juga tidak meminta supaya Filipina memberi tempoh tertentu menyelesaikan isu itu.

"Soal sama ada ia diselesaikan segera atau sebaliknya, tidak timbul pada masa ini," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang hari ini sekembalinya daripada menghadiri Sidang Puncak Ketua-Ketua Negara Asean Ketiga selama dua hari di Manila yang berakhir semalam.

Kerajaan Filipina tidak memberi sebarang jaminan mengenai penyelesaian isu itu. Kita juga tidak memintanya," katanya ketika menjelaskan hasil per-

Oleh
**MIOR KAMARUL
SHAHID**

bincangannya dengan Presiden Filipina, Corazon Aquino.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengadakan perbincangan dengan Presiden Senat Filipina, Encik Jovinto Salonga, mengenai masalah yang sama.

Katanya, perkara itu sepatutnya selesai ketika persidangan ketua-ketua kerajaan Asean diadakan dan perjanjian mengenainya dapat ditandatangani.

Tetapi, disebabkan Senat Filipina tidak dapat membuat keputusan, tidak mungkin perjanjian kesetiakawanan dan sempadan dengan Filipina itu dapat dilakukakan.

Beberapa hari sebelum sidang puncak itu, Dewan Perwakilan Kongres Filipina sudah pun meluluskan rang undang-undang meminda sempadan negara itu.

Bagaimanapun, Senat Filipina mengemukakan tiga syarat baru yang membantutkan usaha ke arah penyelesaian itu.

Perdana Menteri berkata, meskipun Malaysia tidak mendapat se-

barang jaminan ke arah menyelesaikan isu itu, tetapi kerajaan Filipina dan Senat sudah berjanji akan bekerja kuat untuk mengatasinya.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tanda-tanda menunjukkan bahawa usaha ke arah menyelesaikan isu itu adalah lebih baik pada masa ini berbanding sebelumnya.

Ditanya sama ada perkembangan itu disebabkan lawatan pertama Perdana Menteri Malaysia ke Filipina, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ia bukan lawatan rasmi.

"Saya ke sana kerana menghadiri Sidang Puncak ketua-ketua negara Asean," tambahnya.

Di Manila semalam, Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan pendirian bahawa Malaysia hanya akan menandatangani perjanjian kesetiakawanan dan sempadan dengan Filipina selepas tuntutan negara itu ke atas Sabah digururkan.

Pendirian Malaysia dalam hal itu tetap sama, iaitu soal kedaulatan negara adalah perkara yang berasingan dengan tuntutan oleh waris Sultan Sulu.